



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
(Department of Skills Development)
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA, MALAYSIA
(Ministry of Human Resources, Malaysia)
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000
Faks : 03-8889 0989
Email : jpk@mohr.gov.my
Website : www.dsd.gov.my

Rujukan Kami : JPK/700/114 (9)
Tarikh : 22 Mei 2020

PENGURUS PUSAT BERTAULIAH / AGENSI TERLIBAT

YBhg. Datuk /Dato'/ Datin/ Dr. / Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) SECARA BERSEMUKA SEMASA PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) **hendaklah dilaksanakan secara dalam talian** sehingga 31 Disember 2020. Semua aktiviti P&P secara bersemuka adalah tidak dibenarkan.

3. Walau bagaimanapun, **pengecualian** diberikan kepada pelatih untuk menjalani latihan di pusat bertauliah (PB) secara berperingkat semasa melaksanakan P&P termasuk verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) bagi pelatih di peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) untuk menyelesaikan **baki latihan maksimum enam (6) bulan** dari tarikh tamat latihan.

4. Sehubungan dengan itu, PB hendaklah mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan mengutamakan langkah keselamatan serta penjarakan sosial. Penetapan ini adalah tertakluk kepada syarat – syarat berikut :

- i. Latihan hanya dibenarkan maksimum seramai 15 pelatih sahaja bagi setiap sesi latihan P&P untuk satu-satu kumpulan pelatih;


PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) SECARA BERSEMUKA SEMASA PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- ii. Memastikan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter semasa di dalam kelas dan bengkel;
 - iii. Jarak susun atur meja dan ruang kerja sekurang-kurangnya 1 meter;
 - iv. Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun; dan
 - v. Mengambil dan merekod suhu badan pengajar, pelatih dan kakitangan;
5. Pemantauan pelaksanaan latihan sehingga 31 Disember 2020 bagi yang memenuhi syarat akan dilaksanakan oleh Jabatan secara atas talian. PB hendaklah menyediakan apa-apa bentuk platform dalam talian yang bersesuaian bagi tujuan pemantauan ini.
6. Kebenaran ini **berkuatkuasa mulai 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2020** dan penetapan ini adalah tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini sepanjang pasca PKPB amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Pekerja dan Cabaran Budaya Norma Baharu”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAIHAN BIN SHUKRI)
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Rujukan Kami : JPK/700/114(9)

PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN MELALUI SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) SECARA BERSEMUKA SEMASA PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

s.k

Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa)
Kementerian Sumber Manusia

Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Sumber Manusia